

11 NOV 1997

M'SIA PAMER LEBIHAN EKSPORT MESKIPUN SERANGAN MATA WANG

KUALA LUMPUR, 11 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan terdapat peningkatan ketara dalam eksport Malaysia meskipun berdepan dengan serangan spekulatif terhadap ringgit ketika ini.

"Kami telah mengambil langkah sejak permulaan lagi, sebab itulah anda boleh melihat keputusan tahun ini mempamerkan lebih dalam eksport berbanding import," katanya selepas melancarkan truk nasional pertama Malaysia, "HICOM Perkasa" di sini hari ini.

Malaysia mencatatkan lebih dagangan sebanyak RM1.2 bilion pada bulan September tahun ini berbanding dengan RM1.15 juta pada Ogos tahun ini dan RM652.98 juta pada September 1996.

Dr Mahathir juga berkata jika tidak kerana serangan terhadap mata wang yang menyaksikan ringgit jatuh hampir 30 peratus sejak Julai lalu, Malaysia akan dapat mengurangkan defisit dagangan negara dengan peratusan yang sangat tinggi.

"Tetapi kini, pastinya...setiap benda yang kita beli mempunyai nilai yang tinggi manakala apa yang kita jual bernilai rendah. Oleh itu ia memberi sedikit kesulitan kepada kita untuk mencapai sasaran asal. Bagaimanapun, kita akan cuba sedaya upaya untuk menanganinya dan kita sudahpun melihat lebih dalam eksport," katanya.

Ringgit jatuh hampir 30 peratus sejak Julai lalu selepas bank pusat Thai memutuskan untuk mengapungkan baht. Selepas tindakan itu, tiada satu pun mata wang negara-negara Asean termasuk dolar Singapura terlepas daripada serangan spekulator.

Terdahulu dalam ucapannya, perdana menteri sekali lagi menegaskan cara untuk menangani defisit akaun semasa negara bukan dengan mengurangkan pertumbuhan ekonomi negara tetapi sebaliknya dengan meningkatkan eksport.

"Kita tahu kita kini sedang berdepan dengan defisit, oleh itu kita mesti meningkatkan eksport dan mengurangkan import," katanya.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan akan melancarkan kempen nasional yang membabitkan semua rakyat daripada eksekutif korporat terkemuka sehingga kepada buruh untuk memulihkan semula ekonomi negara.

Sementara itu, pelancaran truk nasional hari ini menandakan pembabitan menyeluruh kumpulan DRB-HICOM dalam industri pengangkutan darat bukan sahaja sebagai pengeluar tetapi juga sebagai pemasar bagi pasaran dalam negeri dan antarabangsa.

HICOM Perkasa, yang direka dan dikeluarkan oleh Malaysian Truck and Bus Sdn Bhd, anggota DRB-HICOM, boleh didapati dalam bentuk seberat empat hingga tujuh tonne. Ia direka bagi penggunaan perniagaan kecil dan juga komersil.

Pengerusi kumpulan DRB-HICOM, Datuk Wira Mohd Saleh Sulong, berkata truk itu akan dipasarkan bermula hari ini.

Di Semenanjung Malaysia, ia akan dijual menerusi 68 cawangan dan ejen Automotive Corporation (Malaysia) Sdn Bhd manakala di Sabah dan Sarawak, ia akan dijual menerusi 16 cawangan dan ejen Kinabalu Motors.

Mohd Saleh juga berkata DRB-HICOM akan meningkatkan eksport Proton bagi membantu negara mengatasi masalah defisit akaun semasa.

"Kami baru sahaja mengeksport motorsikal Kriss dan akan disusuli kemudiannya oleh truk pula," tambahnya. --BERNAMA

AA ZK MA